



The Smarter & Effective Learning Approach

@


Pusat Tuisyen Didikan Genius

Program Bahasa Malaysia Sekolah Menengah
Edubest

Sinopsis
Novel "Jejak Monpus"

SM2

Nama : _____



Program Bahasa Melayu Edubest

Novel Jejak Monpus

Sinopsis Keseluruhan

Novel ini menceritakan tentang Zahar seorang penuntut jurusan Biologi di Fakulti Sains Hayat, Universiti Teknologi Malaysia. Zahar obses terhadap dunia serangga sejak kecil dan mendapat galakan oleh ibunya, Qistina sehingga membina sebuah makmal di rumah mereka. Zahar juga merupakan seorang penuntut yang berdedikasi sehingga menerima banyak anugerah atas penyelidikan dan inovasi bersama pihak universiti. Pelbagai spesies ulat bulu yang telah dikumpulkan oleh Zahar di dalam makmalnya tetapi satu spesies yang paling disayanginya bernama Pus Pus. Keadaan fizikal Pus Pus lemah telah membuatkan Zahar untuk ke Pulau Pisang bagi mencari spesies baharu untuk diklonkan dengan Pus Pus. Zahar bernasib baik kerana telah menjumpai seekor ulat bulu yang cantik dan dinamakan Morgan. Namun, sesuatu aneh berlaku apabila Morgan mengalami perubahan fizikal.

Selepas itu, beribu ulat bulu telah menyerang kampung Maju Jaya sehingga penduduk kampung dijangkiti penyakit. Ripin dan beberapa orang penduduk kampung telah menuduh Zahar di atas perbuatannya. Ibu Zahar, Qistina telah memanggil Jabatan Kesihatan untuk menyiasat kejadian tersebut. Pihak polis dan pegawai kesihatan tiba dua hari selepas kejadian telah menggeledah makmal Zahar tetapi tidak menjumpai apa-apa selain ulat bulu dan rama-rama. Warung Kopi Pak Mail kecoh tentang serangan ulat bulu di Kampung Maju Jaya yang tersiar di dalam surat khabar. Ripin dan beberapa rakannya menaikkan nama Zahar yang menyebabkan kejadian ini berlaku. Zahar dan ibunya tiba di warung tersebut dan Ripin telah bertengkar dengan Zahar dan pergaduhan mereka bertukar tragedi apabila Ripin melibaskan pisau ke arah Zahar dan mencederakan bahunya. Zahar dirawat di Hospital Pontian.

Zahar berusaha untuk mencari jalan penyelesaian kepada insiden ini dan mengajak Fikri ke Pulau Pisang kerana dia yakin bahawa Morgan adalah spesies yang akan memberikan penawar kepada seranagn ulat bulu di Kampung Maju Jaya. Zahar telah mengorbankan Morgan untuk melakukan kajian dan keesokannya setelah pulan daripada kuliah dia mendapati bahan uji kajiannya, botol beracun dan buku formulanya hilang. Selepas menyiasat, Zahar mendapati Ripin merupakan orang disebalik kehilangan kajiannya dan telah membuat laporan polis. Seminggu kemudian, Ripin

ditahan oleh pihak polis kerana melakukan sindiket penjualan benih sawit secara haram dan menjumpai bahan kajian Zahar di stor milik Ripin.

Zahar melengkapkan kajiannya dan sebuah formula berjaya dicipta. Formula Zahar dipatenkan dan dikomersialkan serai diberi nama MONPUS iaitu gabungan nama ulat bulu Morgan dan Pus Pus. Racun serangga khusus telah dicipta untuk membunuh ulat bulu yang menyerang penduduk Kampung Maju Jaya. Atas kejayaan tersebut, Zahar menerima Anugerah Biasiswa Kerusi Canselor daripada Universiti Oxford, London yang disampaikan oleh ayahnya, Dr. Baharuddin. MONPUS bukan sahaja telah menyelamatkan nyawa tetapi menjalinkan semula hubungan yang putus apabila bapa Zahar melamar semula ibunya, Qistina.

Sinopsis Bab Demi Bab

Bab 1 :

Zahar seorang pemuda berusia 22 tahun amat gemar pada serangga sejak masih kecil lagi. Kegemarannya itu tidak pula dibantah oleh ibunya, kerana Qistina berpendapat Zahar mewarisi minat bapanya. Untuk menyokong minatnya itu, Zahar mempunyai bilik khas untuk menyimpan dan menjalankan eksperimen terhadap serangganya seperti ulat beluncas, kumbang, labah-labah dan kupu-kupu. Zahar banyak menghabiskan masa berbual-bual dan memerhatikan serangga-serangga kesayangannya. Minatnya ini amat bertepatan dengan pengajiannya di Fakulti Sains Hayat, Universiti Teknologi Malaysia.

Zahar mempunyai seorang teman baik bernama Mawar yang juga merupakan rakan sekuliahnya. Semasa makan Zahar meminta izin daripada ibunya untuk ke Taman Paya Bakau Tanjung Piai untuk mencari serangga spesies baru. Selesai makan tengah hari Zahar masuk ke bilik perpustakaan mininya. Dia ingin membaca buku untuk mengkaji punca Pus Pusnya kurang aktif sejak akhir-akhir ini. Hal ini kerana Zahar amat menyayangi Pus Pus yang ditemuinya dalam suatu ekspedisi pengembaraan di Hutan Lipur Gunung Pulai.

Bab 2 :

Untuk meneruskan hasratnya mencari spesies pengganti Pus Pus, Zahar berhasrat ke Pulau Pisang. Kononnya pada 1818, orang Aceh telah membuka Pulau Pisang untuk dijadikan penempatan. Namun mereka gagal menjadikan kawasan tersebut kawasan pertempatan akibat sering diganggu oleh kuasa mistik. Wak Buik, seorang pawang Bugis Riau, dipanggil untuk memulihkan keadaan itu dan dia berjaya melakukannya. Dia menanam pokok buah-buahan di tanahnya itu. Apabila Wak Buik meninggal dunia, penduduk di situ berpindah ke tanah besar kerana mengelak ancaman lanun.

Menurut Tuk Munir, arwah datuknya, pulau itu merupakan tempat tinggal orang bunian. Nek Yah pula mengatakan di pulau itu terdapat sebuah gua yang tersimpan harta karun. Mengikut pandangan Zahar, bentuk pulau itu kelihatan seperti orang sedang duduk berzikir. Semasa menunggu kedatangan Mawar, Zahar membayangkan ketika dia sampai di pulau itu nanti, dia akan ditangkap oleh sekumpulan orang asli dan dibawa ke perkampungan mereka. Di situ dia akan menemui pelbagai spesies hidupan baru. Lamunannya terhenti apabila disapa oleh kekasihnya Mawar. Mawar ialah anak sulung daripada lima beradik. Dia sangat bertanggungjawab terhadap adik-adiknya. Ayah Mawar, Encik Hassan merupakan peneroka di ladang kelapa sawit. Disebabkan harga sawit menurun, ayahnya terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan bagi menambah pendapatannya. Mereka tinggal di Kampung Maju Jaya yang terletak tidak jauh dari rumah Zahar. Zahar teringat kisah pertemuan pertamanya dengan Mawar. Ketika itu Mawar terjatuh di depan keretanya di Fakulti Pendidikan Sains Hayat. Zahar ingin membantu Mawar tetapi ditolak dengan baik oleh gadis itu. Mawar mengajak Zahar ke kedai buku untuk mencari bahan bagi mendapatkan maklumat untuk portfolio Sains Biologi mereka. Setelah itu mereka pulang ke rumah.

Bab 3 :

Zahar menghantar ibunya ke sekolah kerana bateri kereta ibunya rosak. Faridah, seorang murid Qistina, menawarkan pertolongan untuk membawa beg yang berisi buku guru kesayangannya itu. Qistina berhasrat untuk mengambil Faridah sebagai anak angkat kerana dia tidak mempunyai anak perempuan dan Faridah ialah seorang yang berhemah tinggi serta tertib. Faridah merupakan anak tunggal daripada keluarga pekebun. Sebelum ke sekolah itu, dia bersekolah di SMK Bentong, Pahang dan tinggal bersama neneknya. Selepas PMR barulah dia berpindah ke Desa Mercu Jaya. Suatu hari, Qistina ternampak Faridah berjumpa dengan seorang lelaki namun tanda tanya itu dipendamkan saja. Faridah memberitahu lelaki itu ialah bapa

saudaranya yang bertugas sebagai pensyarah di London apabila ditanya oleh Qistina pada suatu hari.

Bab 4 :

Sikap suka menyelidik terhadap sesuatu yang dimiliki oleh Azahar membolehkan dia mendapat anugerah inovasi dari UTM. Sebenarnya dia telah menerbitkan banyak hasil penyelidikannya dalam jurnal. Selain itu, dia juga berazam mencari pengganti spesies Pus Pus sebelum spesies itu pupus. Untuk tujuan itu, dia mahu ke Tanjung Piai bersama Malcom, rakan sekuliahnya. Selain itu, dia juga mahu mengkaji hutan bakau dan kepentingannya. Di sana mereka menjumpai spesies baharu ulat bulu. Apabila pulang dari Tanjung Piai, dia segera mengkaji dapataannya itu.

Bab 5 :

Zahar menyertai kursus Kembara Biologi Alam di Kem Kaizen untuk meneruskan penyelidikannya. Selesai kuliah pagi itu, dia dan Malcom didatangi Munira yang ingin mengajaknya menonton wayang. Ajakan Munira ditolak secara baik. Akibat kegelian sesuatu yang lembut dan hitam di pipinya, Munira terjatuh ke dalam kolam ikan keli. Zahar masuk ke dalam kolam untuk menolong Munira. Esoknya, ketika meneroka hutan sekeliling, Zahar terjatuh ke dalam gaung. Fikri yang mendengar jeritan Zahar menaikkannya ke tebing dengan bantuan dua orang pemuda yang melakukan aktiviti redah hutan. Luka Zahar tidak serius tetapi kepalanya mengeluarkan darah yang banyak. Mawar merawat luka tersebut. Apabila pulang, Qistina bimbang melihat keadaan anak kesayangannya itu. Esoknya, Zahar menunjukkan spesies baharu ulat bulunya kepada Fitri dan Malcom yang datang melawatnya di rumah.

Bab 6 :

Kebanyakan penduduk Pekan Nanas bekerja di ladang getah, ladang sawit dan kebun-kebun. Namun kedatangan pendatang asing menyekat rezeki rakyat tempatan. Majikan lebih gemar memilih pendatang asing sebagai pekerja kerana upah mereka lebih murah daripada rakyat tempatan. Akibatnya, ada pemuda-pemuda yang terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat termasuklah Ripin. Ripin pernah dipukul oleh Zahar kerana mencuri tong gas. Kejadian itu menyebabkan Ripin menyimpan dendam terhadap Zahar.

Di rumah pula, Zahar masih memujuk Qistina agar membenarkannya ke Pulau Pisang. Qistina bimbang kemalangan terhadap anaknya akan berulang. Padanya, kedegilan Zahar sama seperti bapanya. Dia teringat pada bekas suaminya dan kejadian yang menyebabkan mereka berpisah. Selepas hidup sendiri, Qistina mendirikan rumah dua tingkat di atas tanah yang dibelinya di Kampung Maju Jaya. Baharudin dikatakan tinggal di London untuk meneruskan pengajiannya pada peringkat Doktor Falsafah. Qistina percaya lelaki yang ditemui Faridah tempoh hari ialah bekas suaminya..

Setelah mendapat keizinan ibunya, Zahar bertolak ke Pulau Pisang bersama-sama Fikri dan Malcom. Setelah dua jam menaiki bot mereka sampai di pulau tersebut dan disambut oleh kera-kera liar yang hanya menghilangkan diri setelah ditakutkan oleh mereka. Mereka terus meneroka pulau itu. Untuk mempercepatkan kerja, mereka berpecah. Tidak lama kemudian, Zahar melihat baju Fikri tersangkut pada pokok dan kasut Malcom berada di atas tanah tetapi kawan-kawannya itu tidak kelihatan. Tiba-tiba bau busuk menusuk hidungnya dan dia ternampak seekor ulat bulu sebesar ular sawa. Serentak itu angin bertiup kencang hingga memaksa Zahar menutup matanya untuk mengelakkan habuk. Apabila angin berhenti dan mata di buka dia dapati ulat besar sudah hilang. Yang ada hanya ulat bulu bersaiz biasa tetapi sangat cantik. Ketika itu Fikri dan Malcom muncul. Fikri terkejut kerana tadi dia melihat baju Fikri dan kasut Malcom saja. Kedua-dua sahabatnya mengatakan bahawa Zahar bermimpi.

Bab 7 :

Zahar berkurung dalam makmalnya. Monarch, ulat bulu baharunya tidak lalu makan. Zahar risau. Setiap hari dia memantau perkembangan ulat bulu tersebut. Setelah seminggu, Monarch sepatutnya menjadi rama-rama tetapi di dalam balang Monarch ialah seekor ulat bulu yang sangat cantik. Zahar yakin ulat itu ialah spesies gabungan Monarch dan Pus Pus yang dinamakan Morgan. Dia gembira kerana kunjungannya ke Pulau Pisang amat berbaloi walaupun terdapat pelbagai perkara misteri berlaku.

Bab 8 :

Sebulan kemudian, ulat bulu menyerang penduduk Kampung Maju Jaya pada waktu malam. Ramai penduduk kampung mendapat penyakit gatal-gatal. Walaupun

pelbagai ubat dan petua diamalkan namun semuanya sia-sia. Pada waktu malam, Morgan hilang dari balangnya. Waktu siang, Morgan balik ke balangnya semula. Ripin mengetuai penduduk kampung datang ke rumah Qistina. Mereka menuduh Zahar sebagai punca wabak ini kerana minatnya memelihara ulat bulu. Pak Naib sebagai ketua kampung datang untuk memenangkan keadaan,

Dua hari kemudian, Unit Forensik Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor datang mengeledah makmal Zahar. Sampel-sampel ulat yang menyerang penduduk turut dibawa ke makmal Jabatan Kesihatan. Serangan ulat makin serius tetapi rumah Zahar tidak diserang ulat. Beberapa hari kemudian, Zahar diarahkan ke balai raya untuk memberi penjelasan kepada penduduk kampung tentang serangan ulat bulu. Ketua kampung mencadangkan Zahar mencari jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Zahar berjanji untuk mencari jalan penyelesaian.

Bab 9 :

Warung kopi Pak Mail menjadi tempat orang kampung berbual tentang masalah yang melanda kampung mereka. Ripin menghasut orang kampung menyalahkan Zahar. Pergaduhan antara Ripin dan Zahar tercetus apabila Zahar ke warung tersebut untuk membeli makanan. Walaupun Ketua Kampung cuba meleraikan pergaduhan tersebut tetapi Ripin sempat mencederakan Zahar dengan pisau lipatnya sehingga terpaksa dihantar untuk mendapatkan rawatan.

Bab 10 :

Di hospital, Mawar melawat Zahar dan menasihatkannya agar berehat supaya cepat sembuh. Setelah keluar dari hospital, Mawar sekali lagi melawat Zahar. Mereka berbincang tentang kehilangan Morgan pada waktu malam. Zahar menyatakan firasatnya tentang penunggu Pulau Pisang yang marah kerana haknya diambil tetapi andaian itu dirasionalkan oleh Mawar dengan mengatakan bahawa ulat bulu itu membiak di luar sana.

Bab 11 :

Zahari membuat kajian melalui internet. Dia dapati pada zaman revolusi perindustrian, spesies rama-rama bintik terang berkurang bilangannya manakala spesies rama-rama bintik gelap pula bertambah. Di kampung itu, kilang sawit hanya beroperasi pada

waktu malam dan kesimpulannya, asap terowong penapis kilang telah merangsang ulat bulu membiak. Tambahan pula Morgan hanya hilang pada waktu malam. Malam itu Zahar ke makmalnya. Morgan ada di sarangnya. Tiba-tiba cahaya biru muncul dari sarang dan Morgan mula terbang dan hilang dalam kegelapan malam. Kini dia insaf kerana hobinya telah menyusahkan penduduk kampung kerana merangsang ulat bulu membiak. Selain gatal-gatal kulit, kanak-kanak yang terhidu racun serangga yang digunakan untuk memusnahkan ulat bulu menyebabkan mereka mendapat radang saluran pernafasan serta radang paru-paru dan selaput mukosa. Penduduk kampung juga boleh menghidap batuk dan sesak nafas. Akibatnya klinik kampung itu terpaksa beroperasi 24 jam.. Wartawan yang membuat liputan juga menambah-nambah cerita untuk melariskan jualan akhbar mereka.

Bab 12 :

Pagi itu, semasa Pak Alias dan isterinya, Mak cik Habibah ke kandang kambing, mereka dapati enam ekor anak kambing telah mati. Terdapat benda hitam melekat pada badan kambing-kambing tersebut. Kini penduduk kampung mulai bimbang kerana musibah ini bukan hanya menyerang manusia tetapi juga haiwan ternakan. Namun ada juga yang mengambil kesempatan dalam situasi ini.

Bab 13 :

Dalam Program Perkampungan Ilmu, Umar, seorang muridnya memberitahu Qistina, dia tidak menyiapkan kerja sekolah kerana menjaga kambingnya yang beranak. Dia juga perlu menyabit rumput untuk kambing-kambingnya. Umar lebih mementingkan kambing daripada pelajarannya. Malam itu, Qistina ke rumah Umar untuk berjumpa ayah Umar. Adik Umar memberitahu bahawa ayah mereka masuk hospital kerana diserang ulat bulu. Kambing-kambing mereka juga mati kerana diserang ulat bulu. Qistina semakin bimbang tentang fenomena ini dan keselamatan Zahar. Dia terfikir untuk menetap di Alor Gajah buat sementara waktu.

Bab 14 :

Zahar bermimpi tentang lembaga hitam lagi. Apabila tersedar, dia segera mandi. Dia mahu segera memujuk Fikri mengikutnya ke Pulau Pisang. Pada mulanya, Fikri enggan tetapi setelah dipujuk oleh sahabatnya itu, dia bersetuju. Esoknya mereka ke Pulau Pisang. Ketibaan mereka disambut oleh juraian hujan. Setelah beberapa lama

meredah hutan, mereka terlihat beberapa ekor ulat bulu spesies Morgan sedang makan daun-daun hijau. Dalam hatinya terdetik mungkin inilah daun yang disebut oleh lembaga hitam dalam mimpinya. Beberapa ekor ulat di atas tanah juga menuju ke arah daun lebar yang tidak berbatang itu.

Bab 15 :

Ripin marah kerana daun benih sawit yang baru bercambah dimakan oleh ulat. Dia menyalahkan Zahar atas semua musibah ini. Dia lebih bimbang kerana wang pendahuluan daripada Tauke Ban Heng sudah diambilnya. Ripin ke rumah Zahar. Dia mahu bersemuka dengan Zahar. Akibat tidak sabar, dia menumbuk Zahar tetapi Zahar dapat menewaskannya. Peristiwa ini segera tersebar di kampung itu. Penduduk kampung berpendapat Zahar dan ulat-ulatnya mesti diusir. Fikri dan Zahar berbincang untuk menyelesaikan masalah kampung tersebut. Mereka berpendapat sesuatu perlu dilakukan terhadap Morgan.

Bab 16 :

Zahar termenung panjang di dalam makmalnya. Dia teringat kata-kata ibunya yang menyuruhnya mencari jalan penyelesaian masalah tersebut. Zahar teringat kenangan bersama ayahnya yang mempunyai kekasih lain dan menimbulkan kemarahan di hatinya namun ibunya menasihatinya supaya tidak menderhaka pada ayahnya kerana masalah ini ialah masalah ayah dan ibunya. Setelah pasangan ini berpisah segala urusan keluarga dipikul oleh ibunya dengan tabah. Sebelum ke Alor Gajah, ibunya berpesan agar Zahar memusnahkan makmalnya. Hal ini adalah untuk mengelakkan orang kampung mengganggu keluarga mereka lagi. Dalam makmal, Zahar menghasilkan penawar menggunakan cecair daripada badan Morgan. Penyelidikan itu dijalankan berdasarkan kata-kata yang didengarnya dalam mimpinya dahulu.

Bab 17 :

Malam itu, Zahar tertidur di sofa. Pada pagi esoknya, dia segera melihat hasil eksperimennya malam tadi. Dia menyemburkan sejenis cecair pada Morgan. Kepulan asap putih dan hijau kekuningan keluar daripada badan Morgan menyebabkan ulat itu tidak berdaya dan akhirnya mengeras. Tiba-tiba dia dikejutkan bunyi kuat seperti sesuatu jatuh ke tanah. Dia tidak menyangka apa-apa. Apabila hendak mengunci pintu makmal, kunci itu terlepas dari tangannya dan dia ternampak puntung rokok di

tanah. Dia kehairanan dan cuba mengaitkan bunyi benda jatuh dengan puntung rokok tersebut.

Bab 18 :

Zahar memberitahu Fikri bahawa dia telah mencipta penawar walaupun terpaksa memusnahkan Morgan kerana spesiesnya akan membiak dan merangsang pembiakan ulat bulu berbintik hitam. Zahar memberitahu bahawa daun lebar makanan Morgan di Pulau Pisang boleh dijadikan penawar. Pokok itu perlu ditanam secara intensif di kawasan yang sesuai, Fikri cuba mententeramkan Zahar akibat kematian, Morgannya itu. Selepas tamat kuliah Zahar pulang untuk melihat penawar yang diciptanya. Ibunya tiada di rumah dan dia berharap ibunya gembira mendengar berita dia sudah berjaya menghasilkan penawar serangan ulat bulu.

Di dalam makmal, dia terkejut bahan uji kaji dan buku formulanya sudah hilang,. Zahar menghubungi Fikri dan mereka berjumpa di kopitiam. Mereka menyangka semua ini angkara Ripin. Walau bagaimanapun, mereka ingin menyiasat perkara ini dahulu. Mereka mengeledah makmal itu dan menjumpai sekeping resit daripada Syarikat Ban Hen. Zahar mahu ke gudang tapak semaian untuk menyiasat. Malam itu mereka dapati ada bahan seperti tepung dalam gudang itu. Esoknya Zahar membuat laporan polis tentang kehilangan bahan dan peralatan makmalnya. Polis membuat intipan di stor tapak semaian benih cambah sawit. Seminggu kemudian, Ripin diberkas di rumahnya berhubung sindiket penjualan benih cambah benih secara haram dan pemalsuan dokumen urus niaga menggunakan logo Sime Darby Plantation Berhad dan FELDA Agriculture Services Bhd. Turut diberkas ialah Jusoh dan Ahmad. Polis turut menjumpai buku formula dan serta hasil eksperimen Zahar. Perkara ini amat mengembirakan Zahar.

Bab 19 :


Majlis Perbandaran Johor dan Jabatan Kesihatan Pontian menjalankan operasi Nyah Ulat Bulu. Mereka menyembur menggunakan agen Biologi yang dicipta oleh Zahar. Masalah ulat bulu pun selesai. Zahar menerima ucapan tahniah bertubi-tubi. Pengurus inovasi UTM memaklumkan mereka akan mengkomersialkan ciptaan Zahar. Ciptaannya itu dinamakan MONPUS. Sebagai penyelidik, dia akan cuba mendapatkan perlindungan harta intelek. Dia amat bersyukur dengan kejayaan ini. Dia akan menerima RM50,000. Seorang tokoh dari Universiti Oxford akan tiba

bersama delegasi Menteri Sains dan Inovasi untuk melancarkan produk MONPUS, harta intelek Zahar Baharudin. Apabila tetamu masuk Qistina terkejut melihat tetamu itu ialah bekas suaminya sehingga paluan gong mengejutkannya daripada lamunan.

Selepas itu Zahar diumumkan sebagai penerima anugerah Biasiswa Kerusi Canselor mewakili pelajar Asia. Profesor Dr. Baharudin dijemput untuk menyampaikan anugerah tersebut. Qistina terharu kerana hari itu, dia menyaksikan seorang ayah menyampaikan anugerah kepada anak yang tidak dikenalnya. Naluri Zahar mengatakan bahawa lelaki itu ialah ayahnya. Perkataan ayah terpacul daripada mulutnya. Dr. Baharudin memeluk anaknya. Dr. Baharudin tidak berselera menjamah hidangan kerana memikirkan anak yang dibanggakannya itu. Dia segera mencari Zahar dan Qistina. Dia menyapa Qistina dan memohon maaf atas kesilapannya yang lalu. Qistina diperkenalkan dengan Irdiana, isterinya. Di dalam dewan, Qistina terdengar bisikan Dr. Baharudin yang melamarnya semula. Bisikan itu juga didengari oleh Zahar yang amat berharap agar ibunya menerima lamaran tersebut. Baginya, kecintaan terhadap ulat bulu dan dunia penyelidikan menyambung semula ikatan yang terlerai.

Program Bahasa Melayu Edubest

Pelan Lokasi



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

No.2-1, Jalan 4/109E, Desa Business Centre, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7983 7650

<http://www.edubest.com.my>